

# Berdirilah

**S**UDAH menjadi kelaziman, di majlis-majlis rasmi terutamanya, atau tatkala terserempak dengan pemimpin, sekalipun ia hanya ketua kampung, kita secara spontan akan berdiri tanda hormat kepada pemimpin berkenaan.

Oleh: **ASMAT FIKRI**



## tanpa sebarang niat tersembunyi!

Paling tidak kita akan diingatkan oleh pengacara majlis untuk bangun tanda menghormati kehadiran 'jemputan' yang menjadi orang penting dalam sesuatu majlis yang dianjurkan. Dan kebanyakannya akan akur dengan permintaan tersebut tanpa banyak soal.

Bagaimana pula dalam Islam? Adakah dibenarkan atau sebaliknya? Bagi membincangkan persoalan ini, Timbalan Dekan Pembangunan dan Prestasi Pengurusan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Madya Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin menegaskan, hukum berdiri menghormati seseorang pemimpin adalah harus, bahkan digalakkan. Tetapi, berdiri itu hendaklah dengan niat untuk menghormati sahaja dan bukannya mengagungkan seseorang. Dalam Islam, yang berhak untuk



*Dr. Mohd. Fauzi  
Mohd Amin*

diagungkan ialah Allah s.w.t semata-mata.

Terang Mohd. Fauzi perbuatan tersebut disarankan oleh junjungan kita nabi Muhammad s.a.w melalui satu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, yang bermaksud, "Berdirilah kalian

untuk menjemput pemimpin kalian," Hadis ini diriwayatkan ketika mana Sa'ad bin Mu'adz datang kepada Rasulullah s.a.w dengan menaiki keldai.

Apabila Sa'ad sampai di tempat yang dituju, lantas Rasulullah bersabda kepada orang Ansar untuk berdiri menghormati Sa'ad sebagai pemimpin mereka. Pada ketika itu, Sa'ad baru pulang dari peperangan untuk menegakkan Islam. Berdasarkan hadis tersebut, jelas dapat difahami, Nabi s.a.w juga menyuruh berbuat demikian (berdiri) bagi tujuan menghormati.

Bahkan menurut Mohd Fauzi lagi, Imam Nawawi dalam Al-Azkar ketika ditanya mengenai hukum berdiri memberi hormat kepada orang lain kerana kedudukan orang tersebut dalam masyarakat, menegaskan perbuatan tersebut tidak dilarang.

Imam Nawawi dalam hal tersebut mengariskan boleh berdiri hormat kepada orang-orang yang mulia dan orang yang mempunyai hak untuk dihormati, termasuk pemimpin. Malah, Dr. Wahbah az-Zuhaili dalam al-Fatawa al-Mu'asirah ketika ditanya mengenai hal yang sama, turut menyatakan jawapan yang sama.

Pun begitu bagaimana pula dengan larangan sebuah hadis yang menegahnya? Antaranya bermaksud, "Kita berdiri bukan untuk diriku, melainkan untuk Allah Taala." hadis riwayat Ahmad.

Menjawab persoalan ini, Mohd Fauzi menjelaskan, larangan Rasulullah itu ada benarnya. Ini kerana kewajaran seseorang untuk berdiri menghormati seseorang, hakikatnya bukan kerana seseorang itu sebaliknya sifat yang ada pada diri seseorang.

Kerana itu Rasulullah melarang para sahabat berdiri kerana dirinya dan bukan kerana sifat yang ada pada baginda.

"Sebagai contoh, menghormati guru tatkala guru melangkah masuk ke kelas dibolehkan, kerana menghormati ilmu yang ada pada seorang guru. Sama juga jika kita berdiri hormat untuk seorang pemimpin, diharuskan kerana sikap kepimpinan yang ada padanya.

"Apa yang dilarang ialah, berdiri hormat untuk orang yang tiada apa-apa, tiada sifat yang membolehkan



*Selain berdiri, bersalaman juga amalan mulia tatkala berjumpa dengan pemimpin ataupun karwan-karwan*



*Setiap manusia adalah pemimpin, bermula dengan diri sendiri dan keluarga seterusnya masyarakat.*

kita hormat kepadanya. Namun jika berdiri kita hanya takut pada seseorang itu, contoh kerana fizikalnya yang besar, gagah perkasa, maka ini dilarang,"ujarnya.

Berdasarkan hadis yang disebut di atas, ini menunjukkan betapa telitinya Rasulullah s.a.w agar umatnya tidak terjebak dengan perbuatan syirik, sehingga menyebabkan kemungkaran di sisi Allah Taala. Tambah Mohd Fauzi lagi, larangan berdiri oleh Rasulullah s.a.w adalah kerana wujudnya kerisauan di hati baginda takut-takut berlakunya perkara itu kerana sebab takutkan seseorang sekali gus lupa kepada Yang Maha Agung.

Justeru Mohd Fauzi mengingatkan, jangan sesekali kita berdiri dengan niat untuk mengampu atau sengaja menunjuk-nunjuk untuk mendapatkan balasan. "Sebagai contoh, kita tersempak dengan pemimpin di sesuatu tempat, kemudian kita sengaja ingin menonjol dan mendapatkan perhatian dengan berdiri memberi hormat kepadanya, padahal dalam hati, terselit perasaan "minta-minta YB kenal aku, dan meluluskan projek yang aku pohon tu." Perbuatan itu jelas dilarang oleh agama," katanya lagi.

Begitu juga dalam keadaan seseorang sedang makan, kemudian lalu di hadapannya seorang pemimpin atau orang yang berpangkat, maka secara spontan kita berhenti makan dan berdiri untuknya. Itu juga dilarang kerana dia bukan dalam keadaan yang patut dihormati, seperti di majlis tertentu.

## BAGAIMANA JIKA PEMIMPIN BUKAN ISLAM?

Menjawab persoalan ini, Mohd Fauzi menjelaskan, itu juga dibolehkan untuk berdiri sekalipun di majlis-majlis tertentu, dengan sebab untuk menghormati dan meraikan tetamu. Sikapnya yang zalim dan tidak adil itu adalah di negaranya. Tetapi jika mereka datang melawat ke negara kita, statusnya adalah tetamu. Maka, kita dibolehkan berdiri untuk menghormati tetamu.

Dalam hal ini, pemimpin atau orang yang dihormati juga diingatkan agar tiada perasaan ujub dan riak akibat perlakuan orang kepadanya.

Setiap pemimpin atau orang yang berpangkat harus sentiasa bersikap rendah diri dan tidak meletakkan jurang yang tinggi antaranya dan juga orang yang di bawahnya. Maka golongan atasan ini tidak perlu untuk memaksa orang lain menghormati atau berdiri untuknya. Tetapi jika mereka betul-betul ikhlas, secara sendirinya masyarakat akan menghormati golongan tersebut.

Sebaliknya jika perbuatan berdiri itu membuatkan lahir sifat mazmumah dalam diri orang tersebut maka Rasulullah mengingatkan, "Barang siapa senang menjadikan orang-orang berdiri untuknya, maka bersiap-siaplah menempah tempatnya di neraka."

- hadis riwayat Tirmidzi. Justeru dalam apa jua situasi sama ada orang yang bangun untuk menghormati seseorang atau orang yang dihormati itu, perlulah kedua-duanya ada sifat ikhlas dalam setiap amanah yang dipertanggungjawabkan.

Dengan kata lain, setiap daripada kita haruslah sentiasa meneliti setiap daripada apa yang dilakukan agar tidak bertentangan dengan syariat yang digariskan oleh Allah Taala dan suruhan Nabi s.a.w. Sentiasalah merendah diri, dan menggali sebanyak mungkin ilmu sebagai bekalan untuk meneruskan kehidupan di dunia juga bekalan untuk bertemu dengan sang Pencipta kelak. **A**